

Peka jadual peperiksaan

PENUNTUT Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) Universiti kebangsaan Malaysia (UKM), Ahmad Amsyar Zainal, mengakui ketika di tahun satu, pelbagai dugaan ditempuhi ketika menghadapi peperiksaan.

"Saya lupa bawa kad matrik, memang satu kesalahan besar, dipanggil oleh pengawas peperiksaan dan kena marah, seterusnya diminta isi borang pengakuan, mujur pensyarah datang dan kenal saya, jika tidak, ia begitu merumitkan," katanya.

Menurut Ahmad Amsyar, ekoran insiden itu dia dibenarkan menduduki peperiksaan, tetapi lambat sedikit berbanding calon lain.

Katanya, satu pengalaman lucu juga apabila tersalah tengok jadual.

"Hari tu saya beria-ia ulang kaji, tiba-tiba rasa pelik sebab bila sampai dewan, tak nampak kawan-kawan, kemudian terjadi juga pada saya ketika saya sangka waktu exam sebelah pagi, tetapi rupa-rupanya petang," katanya.

Kini kisah-kisah itu dijadikan iktibar, Ahmad

Amsyar berharap perkara seperti itu tidak berulang lagi.

"Kini saya lebih teliti, betul kata orang tua-tua, belajar dari kesilapan, daripada apa yang saya lalui itu, menjadikan saya seorang yang sentiasa berhati-hati, sentiasa semak dan kemas kini serta buat persediaan awal," katanya.

Selain kisah itu, Ahmad Amsyar turut alami masalah kesihatan, sehari sebelum peperiksaan. Akui tumpuannya sedikit terganggu, kerana kurang selesa, lebih-lebih lagi diserang selesema.

Nasihatnya, elakkan belajar terlalu menekan pada sebelah malam sekiranya pada keesokan adalah hari menjawab kertas tersebut. Rehat secukupnya agar badan dan minda bersedia untuk menjawab setiap soalan.

Dari segi pembelajaran pula, dia lebih memilih belajar sendirian, daripada berkumpulan. Namun aktif juga diskusi secara sembang di aplikasi *WhatsApp*.

"Nasihat saya, terutama kepada adik-adik agar semak jadual peperiksaan, beri perhatian dengan sistem dan jadual peperiksaan kerana setiap IPT sistemnya berbeza," katanya juga sebagai ingatan bersama.



AHMAD
AMSYAR